

0287

B 0148 BAH
MAHATHIR - BERSATU 000

KUALA LUMPUR, 24 OGOS (BERNAMA) -- PERDANA MENTERI DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD HARI INI BERKATA HUBUNGAN YANG SEMAKIN RAPAT DI KALANGAN RAKYAT PELBAGAI KAUM NEGARA INI MERUPAKAN PETANDA BAIK UNTUK MASA DEPAN NEGARA.

SEBAGAI CONTOH, BELIAU BERKATA DALAM KEJADIAN JETI FERI RUNTUH DI BUTTERWORTH AKHIR BULAN LEPAS, ORANG RAMAI SEDIA MEMBANTU MANGSA-MANGSA TANPA MENGIRA KAUM.

+WALAUPI DI MALAYSIA KADANGKALANYA TEGANG SEPERTI PADA BULAN OKTOBER DAN NOVEMBER 1987, KITA DAPAT MENGATASI SEGALA HALANGAN DENGAN BAIK. FIKIRAN YANG WARAS DAPAT MENGATASI PEMIKIRAN YANG EKSTREM,+ KATANYA SEMASA MERASMIKAN PAMERAN BERSATU, SEMPENA SAMBUTAN HARI KEBANGSAAN DI SINI.

BELIAU BAGAIMANAPUN BERKATA RAKYAT NEGARA INI JANGANLAH BERPUASHATI DENGAN KEJAYAAN ITU, DAN SEBALIKNYA PERLU MENINGKATKAN HUBUNGAN SESAMA SENDIRI.

OLEH SEBAB ITULAH KERAJAAN TERUS BERUSAHA MEMUPUK PERPADUAN DI KALANGAN RAKYAT MEMERUSI PELBAGAI BIDANG SEPERTI SUKAN DAN KEGIATAN KEBUDAYAAN, TAMBAH BELIAU. -- LAGI
1921MST 24 08 88

B 0151 BAH
MAHATHIR - BERSATU 2 KUALA LUMPUR

KATANYA, PEMILIHAN +BERSATU+ SEBAGAI TEMA SAMBUTAN HARI KEBANGSAAN TAHUN INI MENCERMINKAN KERAJAAN MENGUTAMAKAN KEMUJUDAN PERPADUAN DI NEGARA INI.

PERDANA MENTERI BERKATA USAHA MEMUPUK PERPADUAN BUKANLAH MUDAH KERANA KEBIASAANNYA NEGARA YANG MEMPUNYAI RAKYAT PELBAGAI KAUM MENGHADAPI MASALAH PERPADUAN SEHINGGAKAN WUJUD RUSUHAN, MALAHAN BERPERANG SEMASA KAUM.

BELIAU BAGAIMANAPUN BERKATA RAKYAT NEGARA INI HIDUP DALAM KEADAAN RUKUN DAMAI DAN BERSEFAHAMAN.

DATUK SERI DR MAHATHIR SETERUSNYA BERKATA USAHA MEMUPUK PERPADUAN TIDAK BERMAKNA PERPADUAN SESAMA KAUM SEMATA-MATA, TETAPI IA MELIPUTI USAHA PERPADUAN DALAM SESUATU KAUM ITU SENDIRI.

+KITA PERLU MENGELAK PERSELISIHAN FAHAM DALAM SESUATU KAUM, YANG BOLEH MEMUSNAHKAN KAUM ITU SENDIRI YANG AKHIRNYA KAUM ITU AKAN LEMAH.

KEADAAN ITU PULA AKAN MENIMBULKAN PERASAAN TAKUT DAN DALAM KEADAAN ITU MEREKA AKAN MENYANGKA BAHAWA PIHAK LAIN SEDANG BERUSAHA UNTUK MENGANIYAI DIRI MEREKA,+ TAMBAH BELIAU. --LAGI
1932MST 24 08 88

0306

U 9164 BAH
MAHATHIR - BERSATU 3 KUALA LUMPUR

BELIAU BAGAIMAPUN BERKATA SEKIRANYA SEMUA KAUM BERANGGAPAN MEREKA BERADA DALAM KEADAAN YANG SELAMAT KERANA MEREKA KUAT, PERPADUAN DALAM KAUM DAN PERPADUAN SESAMA KAUM AKAN MENJADI SESUATU YANG LEBIH MUDAH DICAPAI.

SEMENTARA ITU, PENGERUSI JAMATANKUASA PUSAT PERAYAAN HARI KEBANGSAAN, DATUK SERI SANUSI JUNID DALAM UCAPANNYA BERKATA, SEJARAH TELAH MEMJELASKAN BAHAWA SESUATU BANGSA AKAN HANCUR SEKIRANYA RAKYATNYA TIDAK BERSATUPADU SERTA NEGARA TIDAK BERADA DALAM KEADAAN YANG AMAN.

BELIAU YANG JUGA MENTERI PERTANIAN BERKATA PERPADUAN JUGA PERLU DALAM USAHA RAKYAT DAN KERAJAAN MENGATASI KEMELESETAN EKONOMI.

SEBELUM ITU, MAJLIS PERASMIAN DISERIKAN DENGAN NYANYIAN LAGU-LAGU PATRIOTIK OLEH KOIR KAKITANGAN JABATAN MUZIUM DAN DEKLAMASI SAJAK BERTAJUK +BENIH HARAPAN+ OLEH SASTERANAN NEGARA, A.SAMAD SAID.

KETIBAAN PERDANA MENTERI KE MAJLIS ITU DISAMBUT DENGAN IRINGAN PANCARAGAM SEKOLAH MENENGAH VICTORIA YANG MEMAINKAN LAGU +SETIA+.

PAMERAN YANG BERMULA HARI INI DAN AKAN BERAKHIR PADA 2 OKT INI, ANTARA LAIN MEMAPARKAN BAHAN-BAHAN SEJARAH BERUPA FOTO YANG BERKAITAN DENGAN SEJARAH MENUNTUT KEMERDEKAAN NEGARA. -- BERNAMA
1950MST 24 08 88